

MAHATHIR

KUALA KEDAH, 10 JANUARI (BERNAMA) -- PENYOKONG-PENYOKONG PAS TELAH DIMINTA MEMBUKTIKAN KERJASAMA ANTARA PERIKATAN-PAS DENGAN MEMBERI SOKONGAN KEPADA CALUN PERIKATAN YANG BERTANDING DALAM PILEHANRAYA KECIL PARLINEN KAWASAN KUALA KEDAH

SERUAN ITU DIBUAT OLEH SENATOR DR. MAHATHIR MUHAMMAD, KETIKA BERUCAP DALAM KEMPEN PILEHANRAYA DISINI MALAM TADI SEBAGAI MENYOKONG CALUN PERIKATAN, DATUK SENU ABDUL RAHMAN, SETIAUSAHA AGONG UMNO.

DATUK SENU DITENTANG OLEH CALUN BEBAS, CIK SITI NOR BINTI HAMID TUAH

KATA DR. MAHATHIR, DENGAN TERBENTUK KERAJAAN CAMPURAN TERBUKTI BAHAWA PERJUANGAN PAS SELAMA INI TELAH BERJAYA

KATANYA LAGI, KEINGINAN PAS UNTUK MEMERENTAH NEGARA TELAH TERCAPAI KERANA DENGAN MENYERTAI KERAJAAN. PARTI TERSEBUT MEMPUNYAI HAK DALAM KERAJAAN DAN MENJAYAKAN KEHENDAK-KEHENDAK RAKYAT -BERSAMBUNG 1525/ID

559:

MAHATHIR 2 KUALA KEDAH

KERANA ITU, KATA DR. MAHATHIR, PENYOKONG-PENYOKONG PAS HENDAKLAH MEMBUKTIKAN KERJASAMA ANTARA PERIKATAN-PAS DENGAN MEMBERI SOKONGAN MEREKA KEPADA CALUN PERIKATAN.

BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA ADA GOLONGAN YANG INGIN MELIHAT PERPECAHAN DI KALANGAN RAKYAT NEGARA INI. MEREKA TIDAK SENANG HATI MELIHAT KERJASAMA ANTARA PERIKATAN DENGAN PAS YANG TELAH BERJAYA MENYATU-PADUKAN RAKYAT.

GOLONGAN ITU CUBA MEMECAHKAN PERPADUAN ITU DENGAN MENGEMUKAKAN SEORANG CALUN SEBAGAI +KUDA TUNGGANGAN+.

MENURUTNYA, CALUN YANG MENENTANG DATUK SENU +TIDAK BAGITU BEBAS+ KERANA IA TIDAK AKAN BERTANDING KALAU TIDAK MENDAPAT SOKONGAN MORAL DARI DAP YANG DIANGGAPNYA SEBAGAI +LEBIH MENANGKAT-ANGKAT SEBUAH KERAJAAN LAIN+. -BERSAMBUNG.

1530/ID

560.

MAHATHIR 3 KUALA KEDAH

KIRA-KIRA 500 ORANG HADHIR DALAM RAPAT UMUM ITU. KIRA-KIRA TUJUH BATU DARI SINI.

TURUT BERUCAP IALAH KETUA PENERANGAN UMNO SENATOR OTHMAN ABDULLAH, AHLI EXCO DEWAN NEGERI, DATUK SOON CHENG LEONG DAN SETIAUSAHA PERGERAKAN WANITA UMNO MALAYSIA, CIK RAHMAN OSMAN -BERNAMA. 1533/ID